

**PENGUMUMAN BERHUBUNG PEMAKAIAN SUBSEKSYEN 77A (4) DAN
SEKSYEN 140B AKTA CUKAI PENDAPATAN (ACP)1967**

**1) Pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) Berdasarkan
Akaun Beraudit - Subseksyen 77A (4) ACP 1967**

Subseksyen 77A(4) ACP 1967 adalah bertujuan untuk memastikan bahawa pendapatan yang dilaporkan di dalam BNCP adalah berdasarkan maklumat yang benar dan munasabah sebagaimana yang dilaporkan di dalam akaun beraudit.

Pindaan ini juga adalah selaras dengan peruntukan di bawah Akta Syarikat (AS) 1965 yang mewajibkan syarikat untuk mengemukakan akaun beraudit kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dalam tempoh 6 bulan selepas akaun ditutup.

Sekiranya terdapat peruntukan **di bawah AS 1965 yang tidak mewajibkan syarikat mengemukakan akaun beraudit kepada SSM, maka peruntukan subseksyen 77A(4) tidak terpakai. Walau bagaimanapun syarikat hendaklah mengemukakan BNCP berdasarkan maklumat dalam akaun terakhir syarikat.**

**2) Pinjaman Atau Pendahuluan Kepada Pengarah Oleh Syarikat– Seksyen
140B ACP 1967**

Seksyen 140B ACP 1967 memperuntukkan bahawa syarikat yang memberikan pinjaman atau pendahuluan kepada pengarah syarikat tanpa faedah atau dengan faedah yang rendah daripada kadar selengan maka syarikat disifatkan menerima pendapatan faedah daripada pinjaman atau pendahuluan itu. Pendapatan faedah ini dicukai dibawah perenggan 4(c) ACP1967. Penentuan amaun pendapatan faedah yang diterima oleh syarikat

adalah berdasarkan kepada formula yang ditetapkan di bawah subseksyen 140B(2).

Peruntukan ini **terpakai kepada pengarah syarikat di bawah definisi subseksyen 75A(2) ACP 1967 dan pinjaman atau pendahuluan yang dibiayai sepenuhnya daripada dana dalaman (*internal fund*)**. Ianya tidak terpakai bagi pinjaman atau pendahuluan yang dibiayai daripada pinjaman atau pendahuluan daripada dana luar (*external fund*) atau pihak ketiga.

Peruntukan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2014. **Walau bagaimanapun sekiranya tempoh asas bagi tahun taksiran 2014 sesuatu syarikat bermula dalam tahun 2013 maka pendapatan faedah yang diambilkira adalah faedah ke atas baki pinjaman atau pendahuluan bermula dari 1/1/2014.**

Contoh

Syarikat A Sdn Bhd menutup akaun pada 30 April setiap tahun. Bagi tempoh perakaunan syarikat 1 Mei 2013 hingga 30 April 2014 (tahun taksiran 2014), syarikat telah memberikan pinjaman tanpa faedah kepada seorang pengarah syarikat pada 1/7/2013 berjumlah RM50,000. Pengarah tersebut tidak membuat sebarang bayaran balik pinjaman sehingga akhir tempoh perakaunan syarikat bagi tahun taksiran 2014.

Untuk tujuan pemakaian seksyen 140B, **pendapatan faedah atas syarikat bagi tahun taksiran 2014 hanya dikira ke atas baki pinjaman pada akhir setiap bulan mulai 1.1.2014 hingga 30.4.2014 sahaja**. Kadar faedah yang dikenakan adalah berdasarkan kepada *Average Lending Rate* (ALR) secara bulanan yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia setiap bulan di laman sesawang www.bnm.gov.my.

**Pengiraan Faedah Disifatkan Berdasarkan ALR Kepada Syarikat ABC
Sdn Bhd Bagi Tahun Taksiran 2014**

Bulan	Baki Pinjaman (RM)	ALR (%)*	Pendapatan Faedah Disifatkan di Bawah Perenggan 4(c) ACP 1967 (RM)
Jan 2014	50,000	4.3	$50,000 \times 4.3\% \times 1/12 = 176$
Feb 2014	50,000	4.3	$50,000 \times 4.3\% \times 1/12 = 176$
Mac 2014	50,000	4.1	$50,000 \times 4.1\% \times 1/12 = 171$
April 2014	50,000	4.1	$50,000 \times 4.1\% \times 1/12 = 171$
Jumlah			694

*** Nota-**

Kadar ALR yang digunakan hanya untuk tujuan contoh sahaja. Kadar sebenar boleh dirujuk di laman sesawang Bank Negara Malaysia di www.bnm.gov.my .

19 Mac 2014

Jabatan Dasar Percukaian
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia